

1978

KUALA LUMPUR, 5 MEI (BERNAMA) -- MALAYSIA TELAH MEMINTA JEPUN SUPAYA MENGURANGKAN PENGELUARAN BAJANYA APABILA KEDUA-DUA PROJEK BAJA UREA ASEAN MULA BERJALAN KELAK.

MALAYSIA JUGA TELAH MEMINTA JEPUN MEMILIKI PERUSAHAAN PERUSAHAAN YANG KURANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI DAN LEBIH MENGGUNAKAN TENAGA PEKERJA KE MALAYSIA DAN MELIBERALKAN SEKATAN PERDAGANGANNYA KE ATAS BARANG-BARANG EKSPORT ASEAN.

PERMINTAAN-PERMINTAAN TERSEBUT TELAH DISAMPAIKAN KEPADA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ANTARABANGSA JEPUN, ENCIK TOSHIO KOHMOTO OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DALAM PERTEMUAN TERTUTUP SELAMA SEJAM DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

KATANYA, APABILA PROJEK BAJA UREA MALAYSIA BERJALAN KELAK DI SAMPING PROJEK YANG SAMA DI INDONESIA YANG TELAH PUN MEMULAKAN PENGELUARNYA, MAKA PENGELUARAN BAJA AKAN BERLEBIHAN.

DALAM PERKARA INI, NEGARA-NEGARA ASEAN AKAN MENGHADAPI PERSAINGAN YANG HEBAT DARI PENGELUAR-PENGELUAR BAJA JEPUN DI PASARAN DUNIA. --BERSAMBUNG 1402/BY

KATANYA, APA YANG TELAH DISYORKAN OLEH MALAYSIA IALAH SUPAYA JEPUN MENGURANGKAN PENGELUARAN BAJANYA SUPAYA MEREKA TIDAK MENYAINGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI ASEAN.

BELIAU MENGESYORKAN SUPAYA JEPUN MENGUBAH CORAK PERINDUSTRIANNYA DENGAN MEMBAWA SETENGAH DARIPADA PERUSAHAAN-PERUSAHAANNYA YANG KURANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI DAN MENGGUNAKAN LEBIH BANYAK TENAGA PEKERJA KE NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA.

INI ADALAH KERANA MALAYSIA MEMPUNYAI TAPAK TENAGA BURUH YANG AGAK MURAH DAN JUGA KUASA TENAGA YANG AGAK MURAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +ORANG-ORANG JEPUN BOLEH MENGELUARKAN BARANG-BARANG KELUARANNYA DI MALAYSIA DENGAN BELANJA YANG LEBIH MURAH DAN KEMUDIANNYA BOLEH MENGEKSPORT BARANG-BARANG TERSEBUT SEMULA KE NEGARA MEREKA DAN JUGA KE DALAM PASARAN DUNIA+.

+DENGAN CARA INI, MEREKA BOLEH MENOLONG KAMI DENGAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN TEKNIK KAMI DAN KAMI PULA MENOLONG MEREKA MENGURANGKAN LEBIHAN DAGANGAN MEREKA YANG BESAR ITU+. --BERSAMBUNG 1346/BY

JEPUN 3 KUALA LUMPUR

90

SALAH SATU DARIPADA PERUSAHAAN YANG SESUAI UNTUK DIBAWA KE MALAYSIA IALAH PERUSAHAAN KAIN YANG BOLEH DIKELUARKAN DI NEGARA INI DAN KEMUDIANNYA DISIAPKAN DI JEPUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA MALAYSIA TELAH MEMINTA SUPAYA JEPUN MENGURANGKAN CUKAI IMPORT SEBANYAK LIMA PERATUS KEATAS KAYU YANG DIGERGAJI DAN EMPAT PERATUS KEATAS MINYAK SAWIT.

CUKAI IMPORT SEBANYAK LIMA PERATUS KEATAS KAYU YANG DIGERGAJI TELAH MENJEJASKAN PERUSAHAAN KILANG PAPAN DAN LAIN-LAIN PERUSAHAAN BERASASKAN KAYU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA SEDANG CUBA MENGHADKAN EKSPORT BALAKNYA, TETAPI OLEH KERANA JEPUN TIDAK MENGENAKAN SEBARANG CUKAI KEATAS KAYU BALAK, KERAJAAN MENDAPATI SULIT UNTUK MENGHADKAN EKSPORT ITU.

MENGENAI MINYAK SAWIT, DATUK SERT DR. MAHATHIR BERKATA MINYAK SAWIT DIKENAKAN CUKAI EMPAT PERATUS, TETAPI LEMAK HAIWAN TIDAK DIKENAKAN SEBARANG CUKAI.

MALAYSIA JUGA TELAH DIBERITAHU OLEH JEPUN TENTANG QUOTA LEBIH BESAR BAGI IMPORT NENAS DAN INI BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JEPUN TELAH MENJADI RAKAN PERDAGANGAN YANG TERBESAR DENGAN MALAYSIA DAN JUGA PELABUR YANG TERBESAR DI MALAYSIA DALAM BEBERAPA TAHUN YANG LALU.

SEKARANG INI, PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN JEPUN ADALAH LEBIH BESAR DARIPADA PERDAGANGANNYA DENGAN NEGARA-NEGARA PERSATUAN EKONOMI EROPAH SECARA KUMPULAN. --BERSAMBUNG 1419/BY

JEPUN 4 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA AKAN MENCARI PASARAN YANG LEBIH BESAR BAGI BARANG-BARANG PEKILANGAN SERTA BARANG-BARANG SEPARUH SIAPNYA OLEH KERANA LEBIH DARIPADA 85 PERATUS DARIPADA BARANGAN EKSPORT MALAYSIA KE JEPUN MASIH LAGI TERDIRI DARI BAHAN-BAHAN UTAMA.

KATANYA, JEPUN TELAH BERJANJI UNTUK MENIMBANGKAN PERMINTAAN-PERMINTAAN MALAYSIA ITU.

MENGENAI RUNDINGAN PERDAGANGAN BANYAK HALA, MALAYSIA TELAH MENYATAKAN KETIDAK PUASAN HATINYA KERANA HANYA SATU DARIPADA 30 BENDA YANG DISENARAIKAN UNTUK MENDAPAT PENGECUALIAN CUKAI ADALAH MENGENAI MALAYSIA.

BENDA TUNGGAL YANG BERHARGA KEPADA MALAYSIA ITU IALAH EKSPORT UDANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, JEPUN TELAH BERJANJI UNTUK MENIMBANGKAN PERMINTAAN MALAYSIA BAGI PENGECUALIAN CUKAI TERHADAP LEBIH BANYAK BAHAN PENGELUARAN TROPIKA DIRUNDINGAN GATT AKAN DATANG.

MENGENAI RISIKO TERLALU BERGANTUNG KEPADA JEPUN BAGI PERDAGANGAN DAN PELABURAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA MALAYSIA SEBENARNYA MENGGALAKKAN MEMPELBAGAIKAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN.

BAGAIMANAPUN, ORANG-ORANG JEPUN TELAH MENCAPAI KEDUDUKAN MEREKA SEKARANG INI OLEH KERANA SIKAP AGRESIF MEREKA.

BELIAU BERHARAP LAIN-LAIN NEGARA, TERUTAMA SEKALI NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR MEMESATKAN USAHA PENGGALAKAN DALAM KEDUA-DUA BIDANG TERSEBUT. --BERSAMBUNG 1440/BY

JEPUN 5 KUALA LUMPUR

DATUK SER DR. MAHATHIR BERKATA, +KAMI TIDAK DAPAT MEMILIH SEBARANG NEGARA, KERANA JIKA KAMI MEMILIH, KAMI SENDIRI YANG AKAN

SUSAH KELAK.+

ENCIK KOHMOTO SERTA 11 ORANG ANGGUTA ROMBONGANNYA TIBA DI SINI KELMARIN DAN TELAH BERUNDING DENGAN PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN SELAMA SEJAM.

LAWATANNYA TALAH EKORAN DARI LAWATAN PERDANA MENTERI JEPUN, ENCIK T. FUKUDA SEMASA SIDANG PUNCAK ASEAN YANG LALU.

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK LEW SIP HON, PENERUSI PETRONAS, TAN SRI ABDUL KADIR SHAMSUDDIN, DAN PENERUSI FIDA, DATUK JAMIL JAN TURUT HADIR DALAM PERBINCANGAN PAGI INI.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN SATU ROMBONGAN PEMBELIAN DAN JUALGAN PERINGKAT TINGGI AKAN MELAWAT NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR DALAM BULAN SEPTEMBER. —BERNAMA 1447/BY